



**MOHD. Shafie Apdal menyerahkan sijil kepada Advien A/L Ami yang memperoleh 10A dalam SPM 2011 di Bangi, semalam.**

## Lebih ramai pelajar Orang Asli ke luar negara

KUALA LUMPUR 30 April - Kerajaan bercadang menghantar lebih ramai anak-anak Orang Asli yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pengajian ke luar negara.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, bagi tujuan itu pihaknya tidak menolak kemungkinan memberi peluang kepada pelajar Orang Asli yang mendapat keputusan bawah 10A.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu memerlukan perbincangan teliti kerana kebiasaannya pelajar yang dihantar melanjutkan pengajian ke luar negara dan mendapat tajaan biasiswa dipilih berasaskan meritokrasi.

"Pada tahun lepas, seramai 216 pelajar cemerlang Orang Asli berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam manakala sehingga kini yang dihantar ke luar negara dan mendapat biasiswa pula seramai 18 orang.

"Mengenai cadangan menghantar lebih ramai pelajar Orang Asli ke luar negara dan memberi peluang kepada yang mendapat bawah 10A, kita sedang melihat perkara ini dan ia juga mendapat sokongan kerajaan," katanya selepas merasmikan majlis Anugerah Pelajar Cemerlang

Orang Asli di Institut Latihan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bangi, dekat sini hari ini.

Hadir sama, Ketua Setiusaha kementerian, Datuk Ibrahim Muhammad; Timbalannya, Datuk Yusoff Dohab; Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JakoA), Datuk Mohd. Sani Mistam dan Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Muhammad Olian Abdullah.

Shafie berkata, kerajaan memperkenalkan Sekolah Model Komprehensif Orang Asli (K9) bagi mengurangkan kadar keciciran pelajar Orang Asli di peringkat sekolah rendah ke menengah dan dua sekolah dipilih untuk dinaik taraf menjadi sekolah K9 iaitu Sekolah Kebangsaan Pos Kemar di Gerik dan Sekolah Kebangsaan RPS Betau.

Sekolah K9 akan menjadi konsep sekolah pertama yang akan digunapakai pelaksanaannya di pedalaman untuk pelajar Orang Asli dan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, kata Shafie, sambil mengumumkan projek perintis Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) akan diwujudkan dalam masa terdekat ini.

Pada majlis itu, Shafie turut melancarkan Buku Daftar Kata Bahasa 18 suku kaum Orang Asli yang merupakan usaha sama sinergi dengan

Universiti Putra Malaysia (UPM).

Seramai 187 pelajar Orang Asli cemerlang pada Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2011 diraikan pada pamljis hari ini.

Sementara itu, pelajar Orang Asli cemerlang yang mendapat 10A dalam SPM 2011, Shamrulazri Sibok berharap terpilih melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan di mana-mana universiti di luar negara.

"Buat masa ini, saya belum mendapat tawaran itu tetapi jika terpilih saya memang bersedia kerana inilah peluang untuk buktikan kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa Orang Asli juga boleh berjaya seperti kaum lain," katanya.

Seorang lagi rakannya yang juga mendapat 10A pada SPM 2011, Advien Ami berkata, jika diberi peluang Orang Asli mampu mencatatkan kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

"Saya berterima kasih kepada semua pihak yang memberi peluang pendidikan terbaik khususnya kerajaan dan hari ini Orang Asli boleh berbangga kerana saya serta ramai lagi telah membuktikan kami juga boleh berjaya," katanya.